



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **900 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **23,120 kes** (69.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Dimaklumkan pada hari ini, negeri Sabah mencatatkan jumlah sebanyak 503 kes (60.3 peratus). Manakala negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 157 kes (18.8 peratus) daripada jumlah keseluruhan kes. Pada hari ini, Wilayah Persekutuan (WP) Labuan pula mencatatkan peningkatan hampir enam (6) kali

ganda daripada 18 kes positif semalam kepada 105 kes pada hari ini. Kelima-lima negeri ini telah menyumbang sebanyak 765 kes (91.7 peratus) secara keseluruhan. Lonjakan bilangan kes positif COVID-19 di WP Labuan adalah berikutan lebih banyak saringan bersasar yang dijalankan di lapangan. Saringan komuniti yang dijalankan di Jalan Tenaga, WP Labuan telah mengenal pasti 57 lagi kes positif COVID-19 pada hari ini. Kesemua negeri-negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Untuk makluman juga, sebanyak 64 kes (7.7 peratus daripada jumlah keseluruhan) berkaitan pusat tahanan sementara dan kluster-kluster penjara dilaporkan pada hari ini yang terdiri daripada Pusat Tahanan Sementara Tawau (42 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (9 kes), Kluster Penjara Kepayan (8 kes), Kluster Rumah Merah (4 kes), dan Kluster Penjara Tapah (1 kes).

Secara keseluruhannya, sehingga 2 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **834 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **33,339 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 9,968 kes**.

Ingin dimaklumkan daripada 834 kes baharu pada hari ini, terdapat **tiga (3) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara** yang melibatkan satu (1) warganegara dan dua (2) bukan warganegara yang tiba dari negara:

- Amerika Syarikat (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- India (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- Indonesia (1 kes di Johor).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 503 kes**

- 84 kes daripada kluster-kluster, termasuk 42 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster PTS Tawau**;
- 292 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 127 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 129 kes**

- 49 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 52 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;

- Satu (1) kes saringan Severe Acute Respiratory Infections (SARI); dan
 - 27 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
-
- **Wilayah Persekutuan Labuan : 105 kes**
 - 91 kes daripada kluster-kluster, termasuk 57 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tenaga**;
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
-
- **Pulau Pinang : 21 kes**
 - 14 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
-
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 20 kes**
 - Tujuh (7) kes dari kluster-kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan** : 16 kes

- Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Gedong**;
- Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak** : 14 kes

- Lapan (8) kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Wisma Saberkas**; dan
- Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor** : Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya** : Enam (6) kes

- Empat (4) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Seridana** dan **Kluster Gedong**; dan
- Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Kedah** : Tiga (3) kes

- Dua (2) kes daripada kluster sedia ada; dan

- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak** : **Tiga (3) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan** : **Dua (2) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Pahang** : **Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **91 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **32 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **dua (2) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **251 kes** (0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
250	16576	Sabah	Lelaki (WN)	88	Hospital Duchess of Kent	Osteoarthritis
251	14013	Sabah	Perempuan (WN)	75	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

LIMA (5) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **lima (5) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER PTS TAWAU

Kluster baharu ini melibatkan sebuah Pusat Tahanan Sementara (PTS) di daerah Tawau, Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-15423) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 5 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 103 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes dimasukkan ke Hospital Tawau.

Sehingga 2 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 1,671 individu telah disaring, di mana:

- 104 kes dikesan positif COVID-19 (**42 kes baharu**); dan
- 1,567 individu masih menunggu keputusan.

2. KLUSTER TENAGA

Kluster baharu ini melibatkan subzon Batu Arang di Wilayah Persekutuan Labuan. Kes-kes bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan bersasar terhadap komuniti berisiko tinggi pada 2 November 2020. Kesemua kes dimasukkan ke Hospital Labuan.

Sehingga 2 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 103 individu telah disaring, di mana:

- 57 kes dikesan positif COVID-19 (**57 kes baharu**); dan
- 46 individu masih menunggu keputusan.

3. KLUSTER GEDONG

Kluster baharu ini melibatkan daerah Seremban, Port Dickson dan Rembau di Negeri Sembilan, daerah Petaling di negeri Selangor, daerah Johor Bahru di negeri Johor, serta Wilayah

Persekutuan Putrajaya. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-29341) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 27 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Rembau. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 11 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 2 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 61 individu telah disaring, di mana:

- 12 kes dikesan positif COVID-19 (**5 kes baharu**);
- 19 individu dikesan negatif; dan
- 30 individu masih menunggu keputusan.

4. KLUSTER WISMA SABERKAS

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kuching di negeri Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-30813) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 30 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak tujuh (7) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 2 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 130 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**);

- 10 individu dikesan negatif; dan
- 112 individu masih menunggu keputusan.

5. **KLUSTER SERIDANA**

Kluster baharu ini melibatkan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-32505) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 31 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak empat (4) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 2 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 31 individu telah disaring, di mana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**); dan
- 26 individu masih menunggu keputusan.

KLUSTER SUNGAI DIISYTIHAR TAMAT

KKM ingin memaklumkan bahawa, Kluster Sungai telah tamat pada hari ini. Kluster ini melibatkan negeri Kedah dan Perlis.

Sehingga 2 November 2020, seramai 25,406 orang telah disaring. Daripada jumlah ini, 101 kes dikesan positif COVID-19 dan baki 25,305 orang adalah negatif. Kadar positiviti bagi kluster ini adalah 0.40%. Terdapat satu (1) kes kematian dilaporkan dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (Crowded place)**, elakkan kawasan yang **sempit (Confined space)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (Close conversation)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika

bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang

diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

2 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 2 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	503	16,195
SELANGOR	129	5,054
W.P. KUALA LUMPUR	22 (2)	3,070
KEDAH	3	2,128
NEGERI SEMBILAN	16	1,631
PULAU PINANG	21	1,038
JOHOR	9 (1)	916
SARAWAK	14	906
PERAK	3	519
W.P. LABUAN	105	592
PAHANG	1	395
MELAKA	0	312
TERENGGANU	0	209
KELANTAN	2	182
W.P. PUTRAJAYA	6	154
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	834 (3)	33,339

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(2 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Saguking	WP Labuan	Labuan	19	262	3,345	201 (0)	60	1
2	Titir	Sabah	Keningau	18	123	1,884	106 (0)	17	0
3	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Gombak, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	16	232	2,190	179 (0)	53	0
4	Limbungan	WP Labuan	Labuan	13	41	383	37 (0)	4	0

5	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	11	433	1,187	408 (0)	25	0
6	Astaka	Selangor, Pahang	Petaling, Hulu Langat, Kuala Selangor, Klang, Maran	10	44	144	44 (0)	0	0
7	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	9	279	4,140	176 (1)	103	0
8	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang	8	1,716	3,849	1,192 (1)	524	0

9	Kempas	Johor	Johor Bahru, Kulai, Pontian, Kluang, Tangkak	7	53	1,729	50 (0)	3	0
10	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri	5	52	470	52 (0)	0	0
11	Kertang	Sabah	Kota Belud	5	38	724	16 (0)	22	0
12	Rumah Merah	Sabah	Kota Kinabalu	4	175	790	175 (0)	0	0
13	Sofi	Negeri Sembilan	Seremban	4	107	174	40 (1)	67	0
14	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kerian, Larut Matang & Selama	4	62	1,543	52 (2)	10	0

15	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	3	246	1,198	49 (0)	197	0
16	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Klang, Gombak, Seremban, Port Dickson	3	113	2,021	52 (0)	61	0
17	Keladi	Selangor	Klang, Kuala Langat	3	45	344	12 (0)	33	0
18	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur	Klang, Petaling, Kuala Langat, Titiwangsa	3	20	28	20 (0)	0	0
19	Taman Laut	Selangor	Petaling	3	18	123	17 (0)	1	0
20	Tembaga	Pulau Pinang	Timur Laut, Barat Daya	3	10	82	10 (0)	0	0

21	Tanamera	Sabah	Tawau	2	71	160	37 (0)	34	0
22	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	2	62	838	21 (0)	41	0
23	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	2	24	171	15 (0)	8	1
24	Samudera	Sabah	Sandakan	2	19	180	13 (0)	6	0
25	Jalan Meru	Selangor, Johor, Kelantan, WP Kuala Lumpur, Pahang, Perak	Hulu Langat, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Johor Bahru, Batu Pahat, Kota Bharu, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras, Temerloh, Muallim	1	142	1,136	32 (0)	110	0
26	Basung	Sabah	Kudat	1	67	677	49 (0)	18	0
27	Kapor	Sabah	Kudat	1	59	219	59 (0)	0	0

28	Cahaya	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Tampin, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	1	53	458	27 (2)	26	0
29	Highway	Sabah	Kota Belud	1	47	158	24 (1)	23	0
30	Mentari	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Seremban, Kepong	1	31	112	18 (1)	12	1
31	Jambu	Selangor, Pulau Pinang	Hulu Langat, Timur Laut	1	18	147	8 (0)	10	0
32	Penjara Tapah	Perak	Batang Padang	1	14	4,148	10 (0)	4	0
33	Meldrum	Johor	Johor Bahru, Kota Tinggi, Tangkak	1	7	321	7 (0)	0	0